



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 34 TAHUN 2005

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PUSTAKAWAN DAN
PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Pustakawan Gred S41, S44, S48, S52, S54 dan Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27, S32, S38 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Skim perkhidmatan Pustakawan yang sedang berkuat kuasa memperuntukkan syarat lantikan Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan daripada UiTM atau Ijazah Sarjana Muda Kepujian (pengkhususan bidang sains perpustakaan) dengan gaji permulaan P1T3

atau Ijazah Sarjana Muda Kepeujian serta Diploma Lepasn Ijazah Sains Perpustakaan daripada UiTM dengan gaji permulaan P1T4.

3. Bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan pula syarat kelayakan masuk adalah Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan gaji permulaan P1T1 atau Diploma Sains Perpustakaan dengan gaji permulaan P1T8.

4. Syarat kelayakan bagi lantikan di perenggan 2 dan 3 di atas didapati tidak lagi ditawarkan (kecuali STPM) oleh mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Oleh yang demikian, Kerajaan bersetuju mengubah syarat kelayakan masuk bagi kedua-dua skim perkhidmatan ini untuk disesuaikan dengan kelayakan yang dikeluarkan oleh IPTA pada masa ini.

SKIM PERKHIDMATAN PUSTAKAWAN DAN PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN

5. Skim perkhidmatan Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan yang diubah ini masih dikekalkan dalam Klasifikasi Perkhidmatan Sosial (S) memandangkan skop fungsi bidang tugas masih lagi sama walaupun kaedah mengendalikan perpustakaan telah berkembang kepada penggunaan teknologi terkini.

6. Perubahan bagi skim perkhidmatan Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan adalah seperti berikut:-

- (a) syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Pustakawan ditetapkan memiliki salah satu kelayakan berikut:-

- (i) Ijazah Sarjana Muda Kejurian Sains Pengajian Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) **atau** kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T3); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejurian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **serta** Diploma Lulusan Ijazah Sains Perpustakaan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T4); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejurian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **serta** Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T4); atau

- (iv) Ijazah Sarjana Muda Kejurian Sains Pengajian Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) atau kelayakan-kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **serta** Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41:P1T7)

7. Bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan, kelayakan masuk STPM dikekalkan. Walau bagaimanapun syarat lantikan di peringkat diploma diubah daripada Diploma Sains Perpustakaan kepada Diploma Pengurusan Maklumat daripada UiTM dengan gaji permulaan P1T5.

8. Skim-skim perkhidmatan Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan yang diubah adalah seperti [Lampiran A1](#) dan [A2](#). Format iklan jawatan adalah di [Lampiran B1](#) dan [B2](#). Penghuraian kerja bagi Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan bagi setiap gred adalah seperti [Lampiran C1](#) dan [C2](#). Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan berkenaan adalah seperti di [Lampiran D1](#) dan [D2](#).

TARIKH KUAT KUASA

9. Tarikh kuat kuasa perubahan skim perkhidmatan Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan ini ialah mulai **1 Januari 2006**.

PEMBATALAN

10. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2006 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baru. Perubahan skim perkhidmatan ini tidak melibatkan penyandang sedia ada.

PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

27 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan